

11/09/2000

Castro: Isu politik paling sensitif di New York

Mior Kamarul Shahid

DI New York minggu lalu, warga kota di negara kuasa besar itu merungut kerana kehidupan harian mereka kononnya diganggu suasana yang mereka tidak relakan.

Sejak awal bulan ini sehinggalah kepada kemuncaknya pada 6 dan 8 September lalu, kota New York begitu sibuk dengan kehadiran 150 pemimpin dari seluruh dunia yang menghadiri sidang puncak alaf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mereka merungut walaupun sedar hampir semua bilik hotel habis ditempah pegawai yang mengiringi pemimpin mereka, untuk memberi keuntungan kepada industri pelancongan negara itu.

Penduduk New York memberi alasan keadaan jalan raya yang disekat tidak tentu masa menyebabkan mereka sukar bergerak. Pemandu teksi pula sentiasa menggelengkan kepala dan mencarut apabila kereta mereka terkandas.

Media elektronik dan cetak pula melayan rungutan rakyat New York. Mereka memberi ruang agak meluas terhadap rungutan yang remeh-temeh itu.

Bagi penduduk New York, masalah mereka lebih penting daripada isu yang hendak dibincangkan pada sidang puncak alaf itu.

Memang benar, sepanjang tempoh sidang kemuncak itu diadakan, keadaan di New York yang sentiasa sibuk bertambah sibuk, terutama di sekitar ibu pejabat PBB.

Sekejap jalan dibuka, sekejap lagi ditutup. Kenderaan diarah supaya membelok ke jalan yang tidak tentu arah.

Dengan kehadiran beberapa pemimpin kontroversi dan tidak sehaluan dengan Amerika Syarikat, kawalan keselamatan begitu ketat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun tidak menghadiri sidang kemuncak itu, turut mendapat liputan media di negara itu. Gambar beliau yang sedang berpelukan dengan Presiden Cuba, Fidel Castro, dijadikan salah satu gambar muka depan akhbar The New York Times.

Agak pelik juga gambar Castro yang berjabat tangan dengan Presiden Bill Clinton tidak langsung disiarkan oleh media negara itu.

Clinton kononnya tidak dapat berbuat apa-apa bila Castro dikatakan menghulurkan tangannya untuk bersalaman.

Peristiwa itu berlaku dalam satu majlis makan tengah hari. Ini adalah kali pertama Castro berjabat tangan dengan Clinton.

Peristiwa itu mendapat liputan meluas yang kononnya 'dasar berjabat tangan Amerika dengan Cuba' sudah dicemari Clinton.

Apakah soal berjabat tangan juga menjadi satu dasar di negara kuasa besar itu?

Paling ganjil, Clinton memberitahu media beliau terkejut apabila Castro menghulurkan tangan kepadanya. Pertemuan itu hanya mengambil masa begitu pantas.

"Ia sudah pun berlaku. Begitu ramai orang dalam bilik. Saya berbual dengan mereka dan bila berpaling, dia berdiri di situ. Dia menanti dan datang ke arah saya," kata Clinton. Selepas tergamam, Clinton menghulurkan tangannya kepada Castro.

Walaupun peristiwa bersalaman itu bukan menjadi rahsia bagi mereka yang berada dalam dewan itu, jurucakap rumah Putih, Joe Lockhart, menafikan peristiwa berjabat tangan - yang kononnya kontroversi - ada berlaku.

Hanya beberapa jam kemudian, Rumah Putih mengumumkan secara rasmi mengesahkan peristiwa bersalaman itu benar-benar berlaku.

Demi menjaga ego Amerika, Setiausaha Negara, Madeleine Albright, yang

sebelum ini selalu mengatakan apa saja yang terkeluar daripada mulut Clinton sebagai penting, kali ini memberitahu dunia perbualan antara bosnya dengan Castro sebagai `perbualan kosong'. Perbuatan kedua-dua pemimpin itu `tidak ada isi'.

Kali terakhir Clinton dan Castro berada dalam satu bilik ialah pada Oktober 1995 dalam satu majlis yang diadakan PBB.

Bagi Amerika, Castro adalah isu politik paling sensitif, terutama di New Jersey, New York dan Florida, tiga negeri utama dalam pilihan raya presiden yang diadakan sekarang.

Kali terakhir Naib Presiden, Al Gore, pula bercakap mengenai dasar Cuba ialah mengenai Elian Gonzalez, yang dihantar pulang ke Cuba.

Castro sudah beberapa kali ingin bertemu dengan pemimpin Amerika Syarikat.

Sejak menjadi presiden pada 1909, Castro terbang ke Washington untuk bertemu Presiden Nixon ketika itu.

Presiden Eisenhower pula pernah berkata adalah tidak wajar baginya bertemu Castro berikutan masalah antara kedua-dua negara belum selesai.

Castro dan Presiden George Bush juga pernah bertemu di Rio de Janeiro pada Jun 1992 tetapi mereka langsung tidak bertegur sapa, apatah lagi untuk berbual.

Bagi mengelakkan peristiwa bersalaman dengan Castro berulang, maka pada majlis makan malam yang diadakan berikutnya, nama Castro tidak dimasukkan dalam senarai jemputan.

Begitulah keadaannya di negara yang kononnya mengatakan setiap orang mempunyai kebebasan.

(END)